

MINGGUAN: Bagaimana cara untuk melanggan Waqaf Saham Larkin Sentral?

KAMARUZZAMAN: Terdapat pelbagai cara untuk melanggan, antaranya dengan melayari www.maybank2u.com.my, draf jurubank atau perintah juruwang, kiriman wang atau wang pos, CDM Malayan Banking Berhad, JomPay atau potongan gaji menerusi Angkasa dan seterusnya mewakafkan saham-saham tersebut kepada WANCorp melalui Hujjah Wakaf.

Individu yang melanggan wakaf saham ini mestilah warganegara Malaysia yang berusia sekurang-kurangnya 18 tahun pada tarikh langganan dengan alamat di negara ini, manakala syarikat pula hendaklah perbadanan atau institusi yang diperbadankan di negara ini dengan terdapat majoriti warganegara Malaysia pada lembaga pengarah/pemegang amanah dan sekiranya mempunyai modal saham, lebih separuh daripada modal saham yang diterbitkan dipegang oleh warganegara Malaysia.

Selain itu, institusi lain seperti dana persaraan, koperasi, yayasan, kumpulan wang simpanan pekerja atau pencen yang ditubuhkan atau dikendalikan di negara ini dinegara ini juga boleh melanggan wakaf saham ini. Langganan hendaklah dibuat menerusi borang yang disediakan atau menerusi Maybank2u.

Setiap borang langganan yang telah dilengkapi, disertakan dengan bukti bayaran salinan fotostat dokumen berkaitan hendaklah dihantar melalui pos biasa atau dihantar sendiri ke Malaysian Issuing House Sdn. Bhd. Hanya langganan menerusi maybank2u sahaja yang tidak perlu mengisi borang langganan. Jumlah langganan minimum adalah RM100 dengan gandaan RM10.

Mana-mana jumlah langganan yang kurang daripada RM100 atau RM100 tetapi bukan gandaan RM10 dan/atau dalam sen yang dianggap sebagai langganan ganjil manakala apa-apa jumlah langganan yang melebihi sasaran perolehan sebanyak RM85 juta yang dianggap langganan lebih tidak akan dipulangkan tetapi akan disalurkan kepada Klinik Waqaf An-Nur dalam bentuk tunai sebagai sedekah untuk tujuan amal.

Apakah manfaat yang diperolehi pewakaf hasil langganan Waqaf Saham Larkin Sentral?

KAMARUZZAMAN: Para ulama berpendapat wakaf merupakan

DEMI MANFAAT BERSAMA

LARKIN Sentral Property Berhad melalui **WanCorp** sebuah entiti yang ditubuhkan oleh **JCorp** dan dilantik sebagai **Nazir Khas Johor** telah melancarkan **Prospektus Waqaf Saham Larkin Sentral** bagi membolehkan individu, syarikat, atau orang ramai termasuk orang bukan Islam melanggan seterusnya

MUKADIMAH

mewakafkan saham mereka kepada **WANCorp** di mana perolehan kasar daripada **Waqaf Saham Larkin Sentral** akan digunakan untuk menaik taraf dan membaikpulih terminal pengangkutan dan **Pasar Awam Larkin Sentral**. Sila rujuk **Prospektus Waqaf Saham Larkin Sentral**

yang boleh di dapati di www.waqafsahamlarkin.com untuk keterangan lanjut.

Ikuti temu bual siri dua wartawan Mingguan Malaysia, LUQMAN HAZIQ ABDULLAH, NURUL HUDA HASSAN dan jurufoto, RAJA JAA FAR ALI dengan Presiden & Ketua Eksekutif JCorp DATO' KAMARUZZAMAN ABU KASSIM tentang wakaf saham itu, baru-baru ini.



Terdapat pengempong Johor Tunku Idris Iskandar Sultan Ibrahim (dua, kanan) dan Datu Kamaruzzaman Abu Kassim (tiga, kanan) ketika melihat replika model Larkin Sentral.

ibadah berbentuk sedekah jariah yang menjanjikan ganjaran pahala berkekalan dan mengalir terus kepada pewakaf buat selamalamanya. Firman Allah dalam Surah al-Baqarah, ayat 261 yang bermaksud: "Bandingan (pahala) orang-orang yang membelanjakan harta mereka pada jalan Allah seumpama sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai dan tiap-tiap tangkai itu pula terdapat 100 biji. Dan ingatlah Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya dan Allah Maha Luas (kurnia-Nya) lagi Maha Mengetahui."

Selain itu, pewakaf individu akan mendapat potongan cukai sehingga 7 peratus manakala pewakaf institusi akan mendapat potongan cukai sehingga 10 peratus

daripada pendapatan agregat masing-masing.

Boleh terangkan secara ringkas tentang keperluan pembiayaan RM85 juta?

KAMARUZZAMAN: Jumlah RM85 juta akan digunakan untuk membiayai naik taraf dan baik pulih Terminal Pengangkutan dan Pasar Awam Larkin Sentral. Pembangunan tersebut juga termasuk pembelian tanah, pembinaan tempat letak kereta, bingkisan tempat letak kereta, bertingkat dan baik pulih bazar dan pembersihan 20 lot kedai baru untuk ibu tunggal dan kumpulan berpendapatan rendah di **Larkin Sentral**.

Pembangunan tersebut akan dibuat secara berperingkat-peringkat yang akan memberikan

kemudahan kepada semua pihak termasuk penumpang, pengguna, pengunjung dan penyewa. Wakaf saham juga dilihat sebagai satu cara untuk menjaga ekonomi dan mampu mewujudkan (*multiplier effect*), iaitu selain kemudahan yang disediakan, duit yang diperolehi kelak boleh digunakan bagi menyediakan ruang-ruang niaga baharu, sekali gus diyakini dapat menyumbang kepada peningkatan pengunjungan dan secara tidak langsung meningkat dan menambah pendapatan para peniaga.

Adakah penawaran wakaf saham ini terbuka kepada semua kaum?

KAMARUZZAMAN: Berwakaf ini bukan sahaja eksklusif untuk umat Islam, malah kepada yang bukan Islam juga atas dasar tanggungjawab sosial yang secara tidak langsung memberi peluang kepada bukan Islam untuk mengambil bahagian dalam menyumbang sesuatu kepada komuniti. Masyarakat sering menggambarkan wakaf hanya melibatkan harta benda seperti tanah dan wang ringgit.

Walaupun bagaimanapun, hakikatnya pengertian wakaf adalah lebih luas dan merangkumi pelbagai aspek asalkan niat serta tujuannya adalah untuk memberi manfaat kepada orang yang berhak tanpa mengira agama, bangsa dan kaum. Yang bukan Islam juga digalakkan untuk bersama-sama melanggan dan mewakaf kerana kemudahan yang disediakan itu juga terbuka untuk semua dan kita tahu ramai dalam kalangan mereka turut menggunakan perkhidmatan disediakan terutamanya yang berulang setiap hari ke Singapura,

iaitu dianggarkan lebih kurang 26,000 orang sehari.

Bagaimanakah manfaat tersebut akan diperuntukkan?

KAMARUZZAMAN: Naik taraf dan baik pulih Terminal Pengangkutan dan Pasar Awam Larkin Sentral tersebut dijangka dapat meningkatkan pendapatan dan keuntungan **Larkin Sentral Property Berhad**. **Dividen** yang dibayar kepada **WANCorp** menjadi manfaat yang boleh digunakan untuk mengurangkan kadar sewa bagi menggunakan sebahagian peniaga kecil, mengenakan kadar sewa minimum bagi ibu tunggal dan kumpulan yang layak dan sumbangan kepada **MAINJ** bagi tujuan kebajikan dan masalah ummah.

Justeru, kita mengharapkan kefahaman masyarakat tentang instrumen wakaf ini yang boleh dikembangkan dalam pelbagai sektor ekonomi selain daripada apa yang biasa kita faham, iaitu wakaf masjid dan sekolah. Sebagai contoh, Singapura juga sudah mengambil pendekatan pembiayaan melalui sukut untuk melaksanakan projek-projek wakaf mereka.

Kita sebenarnya mahu melihat wakaf itu dengan lebih luas yang manfaatnya dapat dirasakan orang ramai sebanyak mungkin seperti menyediakan tempat berniaga dan kemudahan awam.

Adakah konsep wakaf saham yang diperkenalkan Larkin Sentral ini boleh dikatakan yang pertama diperkenalkan di negara kita?

KAMARUZZAMAN: Ia adalah merupakan wakaf saham tawaran awam yang pertama di negara kita di mana prospektus Waqaf Saham ini telah didaftarkan di Suruhanjaya Sekuriti (SC), maka segala proses penawaran, pengurusan serta pelaporan dana wakaf ini akan dibuat dengan lebih tersusun, profesional dan telus.

Perkara ini membolehkan para pewakaf mengetahui mengenai perkembangan pembangunan di **Larkin Sentral** seperti dijanjikan. Secara tidak langsung, ia menjadi satu contoh inovasi baharu dalam usaha memastikan sistem wakaf dapat terus diperkasakan lagi dengan tadbir urus yang lebih baik.

Apakah peranan MAINJ dalam Waqaf An-Nur Corporation Berhad?

KAMARUZZAMAN: **MAINJ** berperanan sebagai pemegang amanah tunggal untuk semua wakaf dalam negeri Johor. Walau bagaimanapun, menerusi Perjanjian Persefahaman antara **JCorp**

dan **MAINJ** pada 4 Disember 2009, **MAINJ** berseutu melantik **WANCorp** sebagai **Nazir Khas** yang akan bertindak sebagai penerima dan pentadbir kepada **Wakaf Khas** tertakluk kepada terma dan syarat di dalam perjanjian tersebut.

Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor 2003 telah memberi kuasa kepada **MAINJ** untuk bekerjasama dengan badan-badan atau orang lain yang ternyata kepada **MAINJ** mempunyai kemahiran untuk menggalakkan kemajuan dan kesejahteraan ekonomi dan sosial masyarakat.

Selagi **WANCorp** melaksanakan tanggungjawabnya sebagai **Nazir Khas** selaras dengan kehendak **Hukum Syarak** maka pelantikan **WANCorp** sebagai **Nazir Khas** adalah bersifat kekal serta berterusan untuk selama-lamanya selagi wujudnya wakaf khas tersebut.

Dividen atau manfaat yang diperoleh oleh

WANCorp tersebut akan digunakan untuk mengurangkan kadar sewa bagi sebahagian peniaga kecil, mengenakan kadar sewa minimum bagi ibu tunggal dan kumpulan berpendapatan rendah dan sumbangan kepada MAINJ bagi tujuan kebajikan dan masalah ummah.

